

## Malaysia berpotensi sebagai hab latihan serantau kenderaan elektrik

**MALAYSIA** berpotensi menjadi hab latihan serantau untuk kenderaan elektrik, menurut Ketua Pegawai Eksekutif Institut bagi Industri Permotoran (IMI) Steve Nash.

“Malaysia berpotensi kukuh untuk menjadi hab latihan serantau utama bagi kenderaan elektrik kerana kami melihat ia berada jauh di depan berbanding yang lain dalam bidang penggunaan kenderaan elektrik di rantau ini,” katanya.

Nash berkata demikian pada persidangan institut itu yang ber-

temakan Peningkatan untuk Memenuhi Keperluan Industri, semalam.

Persidangan itu membincangkan persekitaran sektor kenderaan yang sudah berubah dan memerlukan syarikat kenderaan meningkatkan pengurusan modal insan bagi memenuhi teknologi lebih canggih dan keperluan pelanggan.

Jelasnya, bagi menampung permintaan kereta elektrik dan hibrid yang semakin meningkat, IMI yang berpangkalan di United Kingdom, menggesa penggiat industri per-

motoran menekankan latihan kenderaan cekap tenaga (EEV).

“Kami sentiasa menjangka permintaan ke atas kenderaan elektrik atau hibrid terus meningkat berdasarkan kecanggihannya, susulan kesedaran awam bagi kenderaan alternatif,” kata Nash.

Beliau berkata, IMI bekerjasama dengan Kerajaan Malaysia sejak awal 2014 untuk memberikan sokongan latihan meliputi rangkaian kolej komuniti selaras sasaran menjadikan negara ini sebagai hab EEV serantau. - *Bernama*